

Headline	Jana kuasa solar versi UiTM Terengganu		
MediaTitle	Kosmo		
Date	22 Sep 2021	Language	Malay
Circulation	155,996	Readership	467,988
Section	Negara	Page No	17
ArticleSize	182 cm ²	Journalist	N/A
PR Value	RM 14,169		



ERMEEY (kanan) menunjukkan peranti pengubah arus yang menjana stesen jana kuasa solar di UiTM Terengganu, Dungun semalam.

Jana kuasa solar versi UiTM Terengganu

DUNGUN – Universiti Teknologi Mara (UiTM) Terengganu muncul institut pengajian tinggi (IPT) pertama di negeri ini yang memiliki stesen jana kuasa solar.

Ketua Projek 'Tenaga Solar UiTM Terengganu, Dr. Ermeey Abd. Kadir berkata, pemasangan 3,885 panel solar dengan kapasiti 1.6 megawatt itu hanya mengambil masa lima bulan sebelum beroperasi pada Disember lalu.

"Pemasangan solar bukan hanya menjimatkan penggunaan bil elektrik kampus ini setiap bulan, malah turut menjana pendapatan menerusi jualan grid tenaga elektrik kepada Tenaga

Nasional Berhad (TNB) berjumlah RM700,000 setakat ini.

"Sebelum ini, kadar penggunaan bil elektrik bulanan adalah kira-kira RM350,000, namun selepas penggunaan tenaga solar, kita mampu berjimat hingga 20 peratus iaitu purata RM50,000 hingga RM80,000," katanya pada sesi taklimat projek solar di UiTM Terengganu di sini semalam.

Hadir sama Rektor UiTM Terengganu, Prof. Dr. Mazidah Puteh.

Ermeey berkata, kos pemasangan panel solar terbabit oleh UiTM Holdings Sdn Bhd (UHSB) menelan belanja RM6 juta.